



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
*Office of Director General of Health, Ministry Of Health Malaysia*

ARAS 12, BLOK E 7, PARCEL E  
KOMPLEKS KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88833888  
Fax : 03-88831155

RUJ. TUAN :  
RUJ. KAMI : KKM87/P1/1/1/3(18)  
TARIKH : 22 APRIL 2008

Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)  
Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 4/2008;  
PERKHIDMATAN PEROLEHAN ORGAN DAN TISU KADAVERIK KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA**

---

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan, Kementerian Kesihatan mengambil berat mengenai perkembangan perkhidmatan transplantasi di negara ini. Setiap tahun, beban penyakit kegagalan buah pinggang kian bertambah di mana sehingga penghujung tahun 2006, terdapat seramai 15,000 pesakit yang menjalani rawatan dialysis di seluruh negara. Namun begitu, kadar pendermaan organ kadaverik masih lagi pada tahap yang rendah berbanding dengan negara-negara maju yang lain iaitu sebanyak 1.0 pendermaan bagi setiap juta populasi pada tahun 2006 dan 2007.
3. Tujuan pekeling ini dikeluarkan adalah untuk;
  - 3.1. Memaklumkan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian bagi mempertingkatkan kadar pendermaan organ dan tisu di Malaysia
  - 3.2. Menggariskan peranan yang perlu dijalankan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan Hospital bagi menyokong perkhidmatan perolehan organ dan tisu terutamanya memperkukuhkan fungsi Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (*Tissue and Organ Procurement Team – TOP Team*)

4. Kementerian sedang melaksanakan strategi tertentu bagi melaksanakan Program Transplantasi Kebangsaan. Antara strategi terpenting adalah mempertingkatkan kadar pendermaan organ dan tisu kadaverik di Malaysia melalui;

- 4.1. Meningkatkan tahap kesedaran orang awam serta anggota perubatan mengenai kepentingan pendermaan organ dan tisu
- 4.2. Memperkukuhkan perkhidmatan perolehan organ dan tisu kadaverik di hospital-hospital kerajaan.

5. Perkhidmatan perolehan organ dan tisu terdiri daripada beberapa komponen utama seperti berikut;

- 5.1. Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Kebangsaan
- 5.2. Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Peringkat Wilayah
- 5.3. Pasukan Perolehan Organ dan Tisu
- 5.4. Pasukan Pembedahan Perolehan Organ dan Tisu

*(perincian peranan bagi setiap komponen tersebut adalah seperti di dalam lampiran I-IV)*

6. Perkhidmatan ini merupakan satu tugas yang mencabar dan antara cabaran yang dihadapi termasuk menangani psikologi keluarga pesakit yang sedang berdepan dengan kematian ahli keluarga, melakukan tugas di luar waktu bekerja sekiranya terdapat rujukan kes yang berpotensi, melakukan perjalanan yang jauh bagi melakukan sesuatu prosedur/pembedahan perolehan organ serta perlu melaksanakan tugas tersebut dengan pantas kerana masa *ischaemic* yang singkat bagi sesuatu organ. Oleh itu, adalah penting agar perkhidmatan perolehan organ dan tisu ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan hospital bagi memastikan keberkesanannya. Anggota/pasukan yang menunjukkan prestasi yang baik juga harus diberi galakan dan pengiktirafan.

## 7. Peranan Jabatan Kesihatan Negeri;

- 7.1. Mengenalpasti hospital (termasuk hospital negeri) bagi penubuhan Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (*Tissue and Organ Procurement Team - TOP Team*). Pendermaan organ hanya dapat dijalankan di hospital-hospital yang mempunyai kemudahan rawatan rapi. Bagi hospital yang tidak mempunyai kemudahan rawatan rapi, pendermaan tisu boleh dijalankan di bilik mayat.
- 7.2. Memperkukuhkan serta menyokong Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Peringkat Wilayah dan Pasukan Perolehan Organ dan Tisu yang sedia ada
- 7.3. Memantau peranan yang dijalankan oleh Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Peringkat Wilayah dan Pasukan Perolehan Organ dan Tisu termasuk menjadikan prestasi Pasukan tersebut sebagai salah satu sasaran kerja tahunan bagi pengarah hospital yang berkenaan (sila rujuk lampiran III-IV)
- 7.4. Mengenalpasti anggota perubatan (Jururawat U32) untuk dilantik sebagai Kordinator Transplan **sepenuh masa** di hospital-hospital yang telah dikenalpasti sebagai Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu peringkat Wilayah (*Pengwujudan Jawatan di Bawah Belanja Mengurus 2008, Bahagian Sumber Manusia, m.s 104/105 adalah berkaitan - humanres.moh.gov.my*). Peranan yang dimainkan oleh Kordinator Transplan peringkat wilayah hendaklah dipantau dan diberi sokongan (sila rujuk lampiran III).

## 8. Peranan Pengarah Hospital;

- 8.1. Bagi hospital yang telah dikenalpasti oleh Jabatan Kesihatan Negeri, pengarah yang berkenaan hendaklah mengenalpasti anggota perubatan bagi menganggotai Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (sila rujuk lampiran IV)
- 8.2. Bagi Pasukan Perolehan Organ dan Tisu yang sedia ada, pengarah yang berkenaan hendaklah memastikan serta membantu anggota pasukan tersebut memainkan peranan yang ditetapkan
- 8.3. Pengarah hospital yang berkenaan juga diminta memberi kebenaran kepada anggota yang terpaksa bertugas di luar kawasan hospital dan luar waktu pejabat bagi menjalankan proses perolehan organ dan tisu. Pengarah hospital juga hendaklah membantu anggota tersebut mendapatkan tuntutan yang layak diterima seperti elaun perjalanan, elaun tugas atas panggilan dan elaun lebih masa.

- 8.4. Semua pengarah hospital hendaklah memastikan semua anggota perubatan di hospital masing-masing mengetahui prosedur yang perlu dilakukan bagi merujuk kes-kes yang berpotensi sebagai penderma organ dan tisu (sila rujuk lampiran V). Langkah ini perlu diberi lebih perhatian kepada anggota yang bertugas di tempat yang berpotensi seperti unit rawatan rapi, jabatan kecemasan dan bilik mayat. Nombor telefon/pager anggota yang bertanggungjawab di peringkat hospital dan wilayah perlu dipaparkan dengan jelas di kawasan-kawasan yang strategik.
- 8.5. Inisiatif tertentu juga hendaklah diambil termasuk menganjurkan sesi pendidikan perubatan berterusan (*Continuing Medical Education - CME*) di peringkat hospital bagi mempertingkatkan kesedaran di kalangan anggota kesihatan tentang transplantasi dan pendermaan organ/ tisu serta prosedur membuat rujukan kes yang berpotensi.
- 8.6. Setiap hospital juga perlu mengambil inisiatif bagi memudahkan orang awam mendapatkan maklumat mengenai pendermaan organ dan tisu seperti menyediakan risalah/ borang pendaftaran sebagai pengikrar penderma di kaunter-kaunter serta tempat menunggu dan memaparkan poster di kawasan-kawasan strategik. Bahan-bahan cetak ini boleh diperolehi dari Pusat Sumber Transplan Nasional Hospital Kuala Lumpur.
- 8.7. Bagi mengatasi kekurangan pakar bedah yang dapat menjalankan pembedahan perolehan atau transplantasi organ/tisu, perkhidmatan pakar bedah dari pihak swasta dan universiti boleh diperolehi. Pakar bedah tersebut hendaklah dikenalpasti dengan kerjasama pihak Jabatan Kesihatan Negeri serta pakar-pakar Kementerian Kesihatan yang berkenaan (*surat pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia bil. 4/2001 mengenai Pengambilan Pakar Swasta Untuk Berkhidmat di Hospital Kerajaan adalah berkaitan, [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)*).
- 8.8. Memastikan urusan pengendalian mayat penderma selepas proses perolehan organ dan tisu dijalankan dengan efisien dan terhormat.

9. Peranan semua pegawai perubatan pakar, pegawai perubatan dan anggota paramedik;
  - 9.1. Semua pegawai perubatan pakar, pegawai perubatan dan anggota paramedik termasuk yang bertugas di program kesihatan awam hendaklah membantu usaha Kementerian mempertingkatkan kesedaran orang awam mengenai kepentingan pendermaan organ dan tisu. Maklumat mengenai pendermaan organ dan tisu boleh didapati di laman web Pusat Sumber Transplan Nasional, [www.ntrc.gov.my](http://www.ntrc.gov.my) dan laman web *Malaysian Society of Transplantation*, [www.mst.org.my](http://www.mst.org.my)
  - 9.2. Membuat rujukan kepada Pasukan Perolehan Organ dan Tisu setempat atau Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Kebangsaan bagi kes-kes yang berpotensi sebagai penderma.
10. Aktiviti pendermaan dan transplantasi organ dan tisu di negara ini perlu dijalankan berdasarkan standard etika dan professional yang tinggi sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam *National Organ, Tissue and Cell Transplantation Policy* (MOH/P/PAK/131.07(BP), [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)).

11. Sebarang pertanyaan mengenai perlaksanaan pekeliling ini boleh dikemukakan kepada;

**Unit Transplantasi, Bahagian Perkembangan Perubatan**

Aras 5, Blok E1, Parcel E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya

0388833888, 0388831155 (fax), [transplantation\\_unit@moh.gov.my](mailto:transplantation_unit@moh.gov.my)

**Pusat Sumber Transplan Nasional**

Hospital Kuala Lumpur, Jalan Pahang, 50586 Kuala Lumpur

0326942704/5 atau 0326155555 ext 6575, 0326156269 (fax), [ntrc@hkl.gov.my](mailto:ntrc@hkl.gov.my)

12. Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan dan semua Pengarah Kesihatan Negeri diminta untuk mengemukakan **laporan awal perlaksanaan** dalam tempoh **2 bulan** dari tarikh tersebut. Setiap negeri juga hendaklah mengemukakan **laporan perlaksanaan tahunan** bagi tempoh **6 bulan pertama dan terakhir** setiap tahun mengikut format yang dilampirkan (lampiran VI-VII).


Kerjasama pihak YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan amat dihargai di dalam membantu usaha Kementerian bagi mempertingkatkan lagi perkhidmatan transplantasi organ dan tisu di negara ini.

Sekian terima kasih.

**PENDERMAAN ORGAN DAN TISU ADALAH SATU ANUGERAH KEHIDUPAN**

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

*Yang ikhlas,*



**(TAN SRI DATUK DR HJ MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k

- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Pengarah Perkembangan Perubatan
- Pengarah Amalan Perubatan
- Pengarah Perubatan, Institut Jantung Negara
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Anaesthesia dan Rawatan Rapi
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Kecemasan
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Orthopedik
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Neurosurgeri
- Ketua Pengurus Perolehan Organ dan Tisu Transplan Kebangsaan
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Nefrologi
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Urologi
- Penasihat Kebangsaan Pekhidmatan Hepatopankreatikobiliari
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Perubatan
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Oftalmologi
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Patologi

Sila bantu pelaksanaan  
pekeliling ini

LAMPIRAN I

**KOMPONEN PERKHIDMATAN PEROLEHAN ORGAN DAN TISU KADAVERIK**

KOMPONEN	FUNGSI UTAMA	LOKASI
Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Kebangsaan ( <i>National Transplant Procurement Management Unit</i> )	Menyelaras proses perolehan organ dan tisu serta mengenalpasti kes berpotensi sebagai penderma di peringkat kebangsaan	Hospital Kuala Lumpur
Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan peringkat Wilayah ( <i>Regional Transplant Procurement Management Unit</i> )	Menyelaras proses perolehan organ dan tisu serta mengenalpasti kes berpotensi sebagai penderma di peringkat wilayah	Utara – Hospital Pulau Pinang/ Hospital Ipoh Lembah Klang - HKL Selatan – Hospital Sultanah Aminah JB Pantai Timur – Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan Sabah – Hospital Queen Elizabeth Sarawak – Hospital Umum Sarawak
Pasukan Perolehan Organ dan Tisu ( <i>Tissue and Organ Procurement Team</i> )	Menyelaras proses perolehan organ dan tisu serta mengenalpasti kes berpotensi sebagai penderma di peringkat hospital	Hospital-hospital yang dikenalpasti di peringkat negeri
Pasukan Pembedahan Perolehan Organ dan Tisu ( <i>Tissue and Organ Retrieval Team</i> )	Melakukan prosedur/ pembedahan bagi memperoleh organ dari penderma.	<b>Perolehan Buah Pinggang</b> – pakar-pakar bedah yang dikenalpasti di beberapa hospital <b>Perolehan Hepar</b> – pakar dikenalpasti didatangkan khas dari Hospital Selayang <b>Perolehan Jantung dan Paru-paru</b> – pakar dikenalpasti didatangkan khas dari Institut Jantung Negara dan Institut Perubatan Respiratori <b>Perolehan tisu</b> - pakar-pakar yang dikenalpasti di beberapa hospital

## LAMPIRAN II

### **PERANAN UNIT PENGURUSAN PEROLEHAN ORGAN DAN TISU TRANSPLAN KEBANGSAAN (National Transplant Procurement Management Unit - NTPMU)**

Ini merupakan unit peringkat kebangsaan yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam proses perolehan organ dan tisu penderma kadaver. Unit ini yang berpusat di Hospital Kuala Lumpur juga berfungsi sebagai Pusat Sumber Transplan Nasional.

#### OBJEKTIF

Tujuan utama unit ini adalah untuk meningkatkan kadar perolehan organ dan tisu dari penderma kadaverik di peringkat kebangsaan.

#### KEANGGOTAAN

Unit ini terdiri daripada kakitangan perubatan, paramedik dan kakitangan bukan perubatan yang bertugas **sepenuh masa**;

- a. Ketua Pengurus Perolehan Organ dan Tisu Transplan Kebangsaan (*Chief National Transplant Procurement Manager*)
- b. Pengurus Perolehan Organ dan Tisu Transplan Kebangsaan (*National Transplant Procurement Manager*) – pegawai perubatan
- c. Kordinator Transplan Kebangsaan (Kanan) (*Senior National Transplan Coordinator*) – penyelia jururawat
- d. Kordinator Transplan Kebangsaan (*National Transplant Coordinator*) – ketua jururawat/ jururawat terlatih
- e. Pegawai Pusat Sumber (*Resource Officer*) – penolong pegawai perubatan
- f. Anggota kumpulan sokongan lain – pembantu tadbir dan pemandu

#### PERANAN

1. Membantu penyediaan polisi dan melaksanakan polisi-polisi mengenai pendermaan dan pemindahan organ kadaverik di Hospital Kuala Lumpur dan di seluruh negara
2. Membantu Kementerian bagi penyediaan garis panduan (termasuk perkara berkaitan etika) untuk pendermaan dan pemindahan organ kadaverik di Hospital Kuala Lumpur dan di peringkat kebangsaan



3. Menyediakan prosedur, bidang tugas dan carta aliran (*Standard Operating Procedures and Flow Charts*) untuk menentukan proses perolehan organ dan tisu berjalan lancar secara professional bagi menghasilkan organ yang berkualiti.
4. Mengkordinasikan proses perolehaan organ dan tisu kadaverik dari hospital penderma di Hospital Kuala Lumpur, kawasan Lembah Klang dan di seluruh negara dan juga dari rumah bagi tujuan perolehan kornea.
5. Menubuhkan dan mengekalkan pendaftaran dan pengkalan data berkaitan dengan aktiviti pendermaan dan transplantasi di Malaysia.
6. Menyimpan daftar (registry) untuk kematian otak (bagi kes yang dirujuk sahaja). Unit ini berfungsi secara berasingan dari kumpulan pakar yang mengesahkan kematian otak (brain death certification) yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan unit pengambilan organ
7. Membantu dan memberikan perkhidmatan kepada Unit Pengurusan Perolehan Organ Dan Tisu Transplan Peringkat Wilayah (*Regional Transplant Procurement Management Unit - RTPMU*) dan Pasukan Perolehan Tisu Dan Organ dari lain-lain hospital dalam penyelenggaraan penderma kadaveric.
8. Mengatur logistic bagi proses perolehan organ dan tisu bersama pihak Sistem Penerbangan Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia, pihak keselamatan lapangan terbang, Pasukan Perolehan Tisu Dan Organ, Pasukan Transplantasi Organ dan pihak-pihak lain yang berkaitan.
9. Menyediakan program latihan untuk Koordinator Transplan, ahli-ahli Pasukan Perolehan Tisu dan Organ dan mereka yang mempunyai hubungan dengan pengambilan organ dan tisu dalam tugas mereka.
10. Menjalankan program kesedaran dan penyebaran maklumat mengenai pendermaan dan pemindahan organ dan tisu kepada orang awam dan kakitangan hospital.
11. Berkerjasama dengan badan-badan professional lain, badan-badan bukan kerajaan, media, badan agama dan kumpulan-kumpulan yang menunjukkan minat di dalam perkara yang berkaitan dengan pengambilan organ dan tisu
12. Menjalankan audit and aktiviti kualiti untuk memastikan organ dan tisu yang diambil itu berkualiti
13. Menjalankan penyelidikan dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Klinikal (*Clinical Research Centre*) untuk meningkatkan kadar pendermaan organ di negara ini.

### LAMPIRAN III

#### PERANAN UNIT PENGURUSAN PEROLEHAN ORGAN DAN TISU TRANSPLAN PERINGKAT WILAYAH (*Regional Transplant Procurement Management Unit - RTPMU*)

Terdapat 6 unit peringkat wilayah yang telah dikenalpasti (sila rujuk lampiran I). Unit ini ditubuhkan di hospital yang mempunyai perkhidmatan neurosurgery. Unit ini juga mempunyai Pusat Sumber Transplan masing-masing.

#### OBJEKTIF

Tujuan utama unit ini adalah untuk meningkatkan kadar perolehan organ dan tisu yang berkualiti dari penderma kadaverik di peringkat wilayah.

#### KEANGGOTAAN

Anggota perubatan yang dilantik menjalankan tugas secara **separuh masa** kecuali bagi jawatan Kordinator Transplan peringkat Wilayah (*Regional Transplant Coordinator*) yang menjalankan tugas **sepenuh masa**;

- a. Pengurus Perolehan Transplan peringkat Wilayah (*Regional Transplant Procurement Manager*) - pegawai perubatan pakar atau pegawai perubatan
- b. Koordinator Transplan peringkat wilayah (*Regional Transplant Coordinator*) - ketua jururawat/ jururawat terlatih - berfungsi **sepenuh masa** termasuk di hospital-hospital di bawah wilayah masing-masing
- c. Pegawai Pusat Sumber (*Resource Officer*) - jururawat, penolong pegawai perubatan
- d. Anggota Pasukan - pegawai perubatan pakar, pegawai perubatan, jururawat terlatih, penolong pegawai perubatan. Anggota pasukan ini mestilah terdiri daripada anggota perubatan dari pelbagai disiplin dan kategori. Disiplin yang dimaksudkan adalah seperti Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi, Jabatan Kecemasan dan Trauma, Jabatan Forensik, Jabatan Patologi, Jabatan Radiologi, Dewan bedah dan juga pihak pengurusan

## PERANAN

1. Menyelaras proses perolehan organ dan tisu di peringkat hospital termasuk pengurusan penderma kadaverik dan aspek logistic
2. Membantu lain-lain Pasukan Perolehan Tisu dan Organ di dalam wilayah masing-masing termasuk hospital bukan kerajaan di dalam menyelaras sesuatu proses pendermaan tisu dan organ.
3. Merangka dan mengimplementasikan aktiviti mempertingkatkan kesedaran awam dan professional mengenai pendermaan dan transplantasi organ/tisu. Ini termasuk menyediakan sumber-sumber maklumat atau kakitangan untuk penyebaran makluman kepada kakitangan hospital dan orang ramai
4. Menyediakan keperluan untuk proses perolehan organ atau tisu, contohnya:
  - a. *Preservative solutions* untuk pengambilan organ/tisu ataupun tulang plastik untuk menggantikan tulang yang telah didermakan dan
  - b. Menyediakan peti penyimpanan pendingin-beku pelbagai-guna untuk menyimpan tisu seperti tulang, injap jantung, amnion dan kulit yang diambil daripada hospital-hospital penderma di kawasan berkenaan.
5. Menubuhkan dan mengekalkan pendaftaran dan pengkalan data berkaitan dengan aktiviti pendermaan termasuk statistic kematian dan kes berpotensi untuk diselaraskan bersama Unit Pengurusan Perolehan Organ Dan Tisu Transplan Kebangsaan (National Transplant Procurement Management Unit - NTPMU).
6. Memantau dan menjalankan audit kematian setiap bulan

## LAMPIRAN IV

### **PASUKAN PEROLEHAN TISU DAN ORGAN (Tissue and Organ Procurement Team - TOP Team)**

#### OBJEKTIF PASUKAN

Mempertingkatkan kadar pendermaan organ dan tisu di peringkat hospital masing-masing serta memastikan kelancaran proses rujukan dan proses perolehan organ dan tisu. Pendermaan **organ** hanya dapat dijalankan di hospital-hospital yang mempunyai kemudahan rawatan rapi. Bagi hospital yang tidak mempunyai kemudahan rawatan rapi, pendermaan **tisu** boleh dijalankan di bilik mayat.

#### KEANGGOTAAN

Bagi **hospital yang mempunyai kemudahan unit rawatan rapi;**

Anggota pasukan ini mestilah terdiri daripada anggota perubatan yang berfungsi secara **separuh masa** dari pelbagai disiplin dan kategori sama ada pegawai perubatan pakar, pegawai perubatan, jururawat dan penolong pegawai perubatan. Disiplin yang dimaksudkan adalah seperti Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi, Jabatan Kecemasan dan Trauma, Jabatan Forensik, Jabatan Patologi, Jabatan Radiologi, Dewan bedah dan juga pihak pengurusan. Seorang ketua pasukan hendaklah dilantik bagi pasukan ini dari kalangan pegawai perubatan pakar kanan.

Bagi **hospital yang tidak mempunyai kemudahan unit rawatan rapi;**

anggota perubatan dari bilik mayat boleh dilantik untuk pasukan ini.

#### PERANAN

1. Mengurus dan menyelaras aspek berkaitan dengan proses pendermaan dan perolehan organ dan tisu daripada penderma kadaverik . Ini adalah tugas utama unit tersebut;
  - a. Mengenal pasti 'potential donor' samada kes-kes yang disyaki mati otak ataupun kes cardiac death.
  - b. Menghubungi Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Kebangsaan atau peringkat wilayah (*Transplant Procurement Management Unit - TPMU*) bagi semua kes-kes potential, supaya proses seterusnya dapat dijalankan.
  - c. Menguruskan ujian untuk menilai kesesuaian penderma dari segi fungsi organ dan juga menentukan penderma bebas daripada penyakit berjangkit.

- d. Memastikan kes-kes yang disyaki mati otak telah disahkan mati otak.
  - e. Menjaga kestabilan dan fungsi organ penderma sehingga prosedur perolehan dijalankan
  - f. Mendapatkan kebenaran daripada ahli keluarga untuk pendermaan organ
  - g. Membantu Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Kebangsaan atau peringkat wilayah menguruskan semua aspek logistik untuk pasukan perolehan organ dan tisu yang datangnya dari Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang, Institut Jantung Negara, Hospital Universiti Sains Malaysia dan juga lain-lain pakar dari institusi berlaianan yang akan menjalankan pembedahan/prosedur perolehan
  - h. Menguruskan dewan bedah atau morturi untuk proses perolehan organ dan tisu tersebut.
  - i. Berurusan dengan polis, majistret dan forensic bagi mendapat pelepasan untuk pendermaan untuk kes-kes medico-legal dan homisid
2. Bekerjasama dengan Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Kebangsaan atau peringkat wilayah bagi menyelaraskan serta menganjur latihan berkaitan pendermaan organ bagi kakitangan di hospital masing-masing.
3. Memberi ceramah serta terlibat dalam kempen-kempen bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang pendermaan organ dan tisu di Malaysia untuk meningkatkan jumlah pengikrar yang dianjurkan oleh Kementerian ataupun organisasi bukan kerajaan di negeri masing-masing.

## LAMPIRAN V

### PROSEDUR MEMBUAT RUJUKAN BAGI KES-KES YANG BERPOTENSI

Pegawai perubatan pakar/ pegawai perubatan/ anggota paramedik yang ingin membuat rujukan kes-kes yang berpotensi sebagai penderma;

- a. Hubungi Pasukan Perolehan Tisu dan Organ (TOP Team) di hospital masing-masing
- b. Bagi hospital yang tidak mempunyai Pasukan Perolehan Tisu dan Organ (TOP Team), rujukan boleh dibuat kepada Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan peringkat Wilayah seperti berikut;

WILAYAH	NEGERI	HOSPITAL	NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI
Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Wilayah <b>Utara</b>	Perlis, Pulau Pinang, Kedah	Hospital Pulau Pinang	04-2002435 / 435
	Perak sahaja	Hospital Ipoh	05-5222324
Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan <b>Kebangsaan</b>	Lembah Klang, Negeri Sembilan, utara Melaka	Hospital Kuala Lumpur	03-26942704/05 Toll Free : 1800-88-9080 Coordinator On Call : 019-3885654
Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Wilayah <b>Selatan</b>	Seluruh Johor, selatan Melaka	Hospital Sultanah Aminah JB	07-2231666 Ext: 2751
Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Wilayah <b>Pantai Timur</b>	Pahang, Terengganu, Kelantan	Hospital Tengku Ampuan Afzan	Hubungi HKL
Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Wilayah <b>Sabah</b>	Seluruh Sabah, Utara Sarawak	Hospital Queen Elizabeth	Hubungi HKL
Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Wilayah <b>Sarawak</b>	Seluruh Sarawak	Hospital Umum Sarawak	Hubungi HKL

- c. Jika terdapat sebarang masalah membuat rujukan, boleh berhubung terus dengan Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Kebangsaan

LAMPIRAN VI

**FORMAT LAPORAN AWAL PERLAKSANAAN PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BI.1/2008**

NEGERI;

NAMA PENGARAH;

NAMA PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB (Peringkat negeri); (nama, no telefon, email, alamat)

NAMA HOSPITAL YANG TELAH DIKENALPASTI	KEANGGOTAAN	SENARAI AKTIVITI YANG AKAN/TELAH DILAKSANAKAN
Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Peringkat wilayah	(lampirkan senarai anggota)	
Hospital		

Laporan diluluskan oleh;

-----  
(Pengarah Kesihatan Negeri)

Laporan ini hendaklah dihantar 2 bulan selepas tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sila kemukakan laporan ini kepada Unit Transplantasi, Bahagian Perkembangan Perubatan, Aras 5, Blok E1, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya untuk dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Fax; 0388831155

LAMPIRAN VII

**FORMAT LAPORAN TAHUNAN PERLAKSANAAN PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BI.1/2008**

NEGERI;

NAMA PENGARAH;

TEMPOH; Januari – Jun/ Julai – Disember

TAHUN;

NAMA PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB (Peringkat negeri); (nama, no telefon, email, alamat)

NAMA HOSPITAL	JUMLAH KEMATIAN	JUMLAH KES BERPOTENSI YANG DIRUJUK	JUMLAH SEBENAR PENDERMA ORGAN/TISU
Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Peringkat wilayah			
Hospital			

Laporan diluluskan oleh;

-----

(Pengarah Kesihatan Negeri)

Laporan ini hendaklah dihantar **setiap tahun** untuk tempoh **separuh pertama** (Januari – Jun) dan **separuh terakhir** (Julai – Disember).

Sila kemukakan laporan ini kepada Unit Transplantasi, Bahagian Perkembangan Perubatan, Aras 5, Blok E1, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya untuk dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Fax; 0388831155